

Headline	2 maut kereta rempuh pokok		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	11 Jun 2014	Language	Malay
Circulation	314,000	Readership	942,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	18	ArticleSize	537 cm ²
AdValue	RM 18,511	PR Value	RM 55,533



2 maut kereta rempuh pokok

» *Kenderaan terbabas elak tayar lori di tengah jalan*

Oleh Zuliaty Zulkiffli

✦ Jitra

Dua sekeluarga maut apabila kereta dinaiki mereka terbabas dan merempuh pokok ketika cuba mengelak tayar lori yang pecah di tengah jalan di Kilometer 18.7 Lebuhraya Utara-Selatan dekat sini, malam kelmarin.

Aziz Mohd, 44, kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan adik iparnya, Zursahira Zulkifli, 14, yang cedera parah di kepala dan badan meninggal dunia di tempat kejadian.

Kemalangan jam 10.20 malam itu juga menyebabkan empat lagi, termasuk dua anak, ibu mentua dan seorang lagi adik ipar Aziz, cedera parah.

Patah tulang rusuk

Ibu mentuanya, Khatijah Yusof, 54, yang patah tulang rusuk, anaknya, Muhammad Ahnaf Aziz, 13, cedera di kepala dan badan kini dirawat di Hospital Jitra.

Seorang lagi anak mangsa, Muhammad Amirza Aziz, 11, pecah rongga mata kanan dan dirawat di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB).

Isteri mangsa, Zuraini Zulkifli, 37, dan anak bongsu mereka berusia tiga tahun bagaimanapun hanya cedera ringan dan dibenarkan pulang ke Terengganu untuk menghadiri pengebumian

suaminya.

Kemalangan berlaku ketika mangsa yang sedang dalam perjalanan ke rumah bapa mentuanya, Zulkifli Zakaria, 56, di kuarters Jabatan Penjara Pokok Sena dari Kuala Perlis, selepas menikmati makan malam bersama.

Bagaimanapun, apabila tiba di tempat kejadian mangsa dipercayai melihat objek dipercayai tayar lori yang pecah dan mengelak sebelum terbabas ke dalam longkang serta merempuh pokok angsa sebesar satu pemeluk.

Ia menyebabkan kenderaan pelbagai guna (MPV) Grand Livina dinaiki mereka remuk teruk di bahagian kanan.

Zulkifli yang turut ke Kuala Perlis bersama keluarganya tidak menyangka itu kali terakhir beliau makan bersama anak bongsu, Zursahira dan menantunya, Aziz.

“Saya menaiki sebuah motosikal berkuasa besar berada di hadapan dan tidak melihat tayar lori walaupun melalui kawasan itu terlebih dulu.

“Ketika sampai di Plaza Tol Alor Setar utara saya menerima panggilan dari orang awam yang tidak dikenali memberitahu ahli keluarga saya terbabit kemalangan.

Berpatah balik

“Saya terus berpatah balik ke kawasan itu dan terkejut melihat

tiga kereta termasuk sebuah milik menantu saya terbabit kemalangan.

“Saya dapati kereta menantu saya yang berada di tengah-tengah melanggar sebatang pokok,

manakala dua lagi berada di dalam longkang. Hati saya sayu apabila diberitahu menantu dan anak saya meninggal dunia,” katanya.

Zulkifli berkata, mereka semua berasal dari Terengganu dan menantu serta anak sulungnya sedang bercuti di rumahnya.

Jenazah Aziz dan Zursahira dibawa pulang ke Terengganu dan dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Padang Landak, Besut, Terengganu.

Ketua Polis Daerah Kubang Pasu, Superintendan Abd Rahim Abdullah yang ditemui mengesahkan kejadian berpunca daripada tayar lori di tengah jalan.

Katanya, beberapa minit sebelum kemalangan itu, sebuah MPV jenis Naza Ria dinaiki lelaki berusia 24 dan sebuah kereta Perodua Viva dinaiki empat pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) turut terbabas ke dalam longkang kerana mengelak tayar sama.

Bagaimanapun, mereka hanya mengalami cedera ringan dan dirawat sebagai pesakit luar.

“Kami percaya semua kemalangan berkenaan berlaku apabila mereka cuba mengelak objek dipercayai tayar lori yang pecah di tengah jalan,” katanya.

Headline	2 maut kereta rempuh pokok		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	11 Jun 2014	Language	Malay
Circulation	314,000	Readership	942,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	18	ArticleSize	537 cm ²
AdValue	RM 18,511	PR Value	RM 55,533



Abdul Rahim (kanan) bersama pegawai **memeriksa kereta Nissan Grand Lavina yang terbabit dalam kemalangan** menyebabkan dua sekeluarga terbunuh, malam kelmarin.

[FOTO RAHMAT OTHMAN/BH]



Headline	2 maut kereta rempuh pokok		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	11 Jun 2014	Language	Malay
Circulation	314,000	Readership	942,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	18	ArticleSize	537 cm ²
AdValue	RM 18,511	PR Value	RM 55,533



Aziz Mohd



Zursahira Zulkifli